

RABU 12 MEI 1976

UMNO BUKAN MELAYU SAJA

SYUKUR Alhamdulillah UMNO terus dapat merayakan ulangtahunnya (30 tahun kelmarin), malah diberkati Allah bertambah tegap dan bertambah dewasa.

Juga UMNO tidak sekadar dapat mempertahankan kewujudannya tetapi tidak kurang pentingnya ialah mengisi cita-cita yang diperjuangkan sejak lahir 11 Mei, 1946.

Sejak itu UMNO terus maju ke depan dengan mencapai kejayaan demi kejayaan hingga menjadikannya bertambah matang sebagaimana ternyata dalam pandangan-pandangan dan tindakan-tindakannya.

Kejayaan-kejayaan yang dicapai tidak setakat untuk faedah anggota-anggota UMNO atau orang-orang Melayu saja malah meliputi semua penduduk negeri ini.

Kekukuhan dan kematangan fikiran yang dicapai oleh UMNO dapat disaksikan dari berbagai cabaran dan ujian yang dialami selama 30 tahun lalu.

Tidak sedikit dugaan dan masalah baik yang bersifat ringan mahu pun yang berat telah dilalui oleh UMNO.

Perjuangan menentang kolonial Inggeris, peninggalan Datuk Onn bin Jaafar, merundingkan kemerdekaan, masalah perpaduan kaum, kekecohan alim ulama, peristiwa Aziz Ishak, Dr. Mahathir dan Datuk Harun, misalnya adalah di antara cabaran-cabaran yang dialami oleh UMNO di samping banyak lagi dugaan dan ujian.

Akan tetapi dengan kekuatan yang dimiliki dan asas yang teguh sejak penubuhannya UMNO tidak pernah kehilangan semangat atau tenggelam punca dalam menghadapi sebarang saat-saat genting.

UMNO merupakan organisasi yang didukung dan dapat menggembeling rakyat, khususnya dari golongan tani yang terdiri dari pesawah, nelayan, pekebun kecil dan hampir kebanyakan mereka yang tinggal di luarbandar.

Semasa awal kemunculannya, para pendukungnya tidak pernah mengira atau mengharapkan ganjaran, lebih-lebih lagi berupa material dan semangat inilah yang menjadi asas.

Mereka berjuang semata-mata kerana bangsa, negara dan agama.

Berkat semangat ini, UMNO terus berakar umbi di kalangan rakyat Melayu terutamanya di luarbandar, dan kerana kekuatan ini UMNO menjadi tunjang atau teras pemerintahan hingga sekarang.

Kerana kekuatan ini dan pendirian teguh anggota-anggotanya, banyak pihak yang sering tersilap sangka mengenai apa yang akan berlaku dalam UMNO apabila berlaku sesuatu kegentingan.

Walaupun boleh berbangga dengan kekuatan ini dan sebagai satu tenaga politik yang ulung di negeri ini (setanding dengan Congress Party di India), namun UMNO tidak pernah ketinggalan dalam menyesuaikan diri menurut kehendak masa dan negara.

Satu hakikat yang kurang dimengerti atau sengaja tidak mahu dimengerti oleh setengah golongan terutamanya di kalangan bukan Melayu ialah bahawa UMNO tidak semata-mata berjuang untuk orang Melayu.

Dengan kata lain UMNO bukan untuk orang Melayu saja tetapi bagi seluruh rakyat.

Tun Abdul Razak pernah berkata bahawa UMNO boleh membentuk sebuah kerajaan Melayu jika ia mahu, tetapi sebagai tenaga politik yang dominant bukan niatnya mengene-pikan lain-lain kaum.

Malah sebaliknya UMNO telah memainkan peranan yang wajar dengan pembentukan Barisan Nasional, dan UMNO bukan untuk Melayu saja walaupun dulunya Datuk Onn mensifatkan UMNO itu Melayu dan Melayu itu UMNO.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia